

UITM HARIINI DALAM SEJARAH

14 OKTOBER 1977

PERAYAAN ULANGTAHUN KE-10 INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Institut Teknologi MARA (ITM) telah menyambut Ulangtahun Ke-10 pada 14 dan 15 Oktober 1977. Perkembangan ITM amat membanggakan kerana secara tidak langsung Institut telah dapat memainkan peranan yang penting dalam usaha kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Ini jelas kelihatan pada pertambahan bilangan kursus yang ditawarkan meningkat daripada 20 kursus pada tahun 1967 kepada 78 kursus pada tahun 1977. Pada tahun 1977, 6 kursus telah diiktiraf menjadikan jumlah kursus yang diiktiraf adalah sebanyak 42 kursus semuanya. Disamping itu, pihak swasta juga tidak ketinggalan menerima dan mengiktiraf para lulusan Institut sebagai setara dengan lulusan institusi pengajian tinggi yang lain.



Buku Khas sambutan Ulangtahun ke-10
Institut Teknologi MARA
Judul: ITM 10 Tahun Dalam Kenangan

Sumber:

- Laporan Tahunan 1977
- ITM 10 Tahun Dalam Kenangan